



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

KENYATAAN MEDIA

KPWKM SEDANG MENAMBAHBAIK DASAR DAN PELAN TINDAKAN KANAK-KANAK

Saya amat sedih dan memandang serius terhadap kes membabitkan seorang kanak-kanak lelaki yang dipercayai didera sehingga meninggal dunia di Johor baru-baru ini. Saya telah mengarahkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk segera menyiasat dan menyediakan laporan dengan lebih terperinci berhubung kronologi, sejarah serta setiap perkembangan kes ini sebaik sahaja mendapat tahu mengenai kejadian tersebut.

Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga sedang menjalankan siasatan terhadap kes ini dan saya memberikan jaminan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) serta agensi di bawahnya akan memberikan kerjasama penuh dalam siasatan tersebut.

Antara perkara utama yang saya telah senaraikan untuk diberi tumpuan setelah diamanahkan untuk menerajui KPWKM adalah untuk menilai dasar-dasar semasa membabitkan kanak-kanak dan membawa penambahbaikan menyeluruh, termasuklah dari segi aspek perlindungan, pemantauan serta pembangunan sosial kanak-kanak di negara ini. Dengan perkembangan terbaru ini, KPWKM juga akan meneroka segala kemungkinan untuk memperkemas faktor-faktor pencegahan, termasuklah seperti keperluan

hukuman yang lebih tegas dan berat kepada pesalah agar kes penderaan sebegini tidak berulang lagi di samping pengajaran kepada ibu bapa atau penjaga yang cuai dalam memberi jagaan yang terbaik kepada kanak-kanak.

Selain kecederaan fizikal, kes penderaan kanak-kanak juga boleh menyebabkan implikasi kesihatan mental yang berpanjangan seperti kemurungan, lebih-lebih lagi bagi mangsa kes yang tidak dilaporkan dan kekal tersembunyi.

Orang ramai yang mengetahui tentang penderaan kanak-kanak yang berlaku diseru supaya tidak mengabaikannya dan memaklumkan kepada KPWKM melalui Talian Kasih di talian 15999 atau nombor WhatsApp 019-2615999, atau menghubungi pihak berkuasa berdekatan dengan segera.

Saya percaya kita rakyat Malaysia adalah penyayang, prihatin dan lebih baik daripada apa yang terjadi dalam kes seperti ini. Bersamalah kita memainkan peranan dalam mencurahkan kasih sayang dan memberi perlindungan sewajarnya kepada kanak-kanak demi kesejahteraan keluarga, keharmonian masyarakat dan kemajuan negara.

####

YB DATO'SRI HAJAH NANCY SHUKRI

**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA DAN MASYARAKAT
30 DISEMBER 2022**